

**Masa Depan Politik Hasan Ali Masih Ada  
mStar Online  
Disember 20, 2011**

**PETALING JAYA:** Timbalan Pesuruhjaya PAS Selangor, Khalid Samad menyatakan bahawa pemimpin parti tersebut, Datuk Dr Hasan Ali masih mempunyai masa depan dalam bidang politik.

Beliau seperti yang dilaporkan oleh portal berita, *MalaysiaKini* berkata, PAS Selangor sedang berusaha untuk menyelamatkan dan bukannya mahu menghentam Dr Hasan yang kini sedang dilanda kontroversi.

Portal berita itu juga melaporkan Khalid sebagai berkata, pihaknya faham Dr Hasan berkemungkinan kecewa kerana tidak mendapat pencalonan yang cukup untuk dipilih semula sebagai calon Gombak Setia.

Bagaimanapun, beliau menambah, perkara itu tidak seharusnya tidak merosakkan Dr Hasan.

Menurutnya lagi, PAS sentiasa mengiktiraf sumbangan Dr Hasan sebagai ahli kanan parti dan ada anggota yang bersedia mencalonkan beliau di kawasan lain.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/12/20/mstar\\_berita/20111220143702&ec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/12/20/mstar_berita/20111220143702&ec=mstar_berita)